

## Pengawalan Hiburan Awam

- Hiburan awam adalah termasuk:

<b>Persembahan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lakonan, opera, pantomim, lakonan aneka-aneka ragam persembahan musik, nyanyian, karaoke, tarian, gimnastik, akrobat, dan legerdermin, tablo, pertunjukan, peragaan dan perarakan</li> </ul>
<b>Pameran dan Pertunjukan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pertunjukan bunga api, alatan set, perhiasan peringatan dan gambaran makhluk benar atau khayalan, sarkas dan pameran binatang dan orang, pameran model, gambaran potongan badan manusia atau binatang, gambar fotograf atau patung atau bentuk-bentuk lain, pemeran filem, petunjuk gambar yang dilihat melalui kanta pembesaran pada lubang kecil dan pertunjukan boneka, pengeluaran semula atau penyiaran melainkan yang berkaitan yang berkaitan dengan suatu filem dengan sebarang cara selain daripada telefoni atau telefoni radio, sebarang musik, lagu atau ucapan;</li> </ul>
<b>Pertandingan, Peraduan dan Permainan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mesin dan peranti yang memberikan peluang untuk memenangi hadiah-hadiah dalam bentuk wang atau barang, meja pin dan permainan video, sebarang jenis pertandingan sukan selain daripada yang dianjurkan oleh sebarang pertubuhan, kesatuan sekerja, syarikat atau persatuan berdaftar, pertandingan berancang bagi permainan kemahiran atau nasib;</li> </ul>
<b>Lain-lain aktiviti hiburan awam</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Drama bacaan, deklamasi, kuliah ceramah, ucapan, perbahasan dan perbincangan, pembahagian khairat, lelong dan penjualan barang-barang untuk tujuan kebajikan atau khairat, taman hiburan dan pesta keriaan, pesta dan jamuan di luar rumah;</li> <li>Mana-mana gabungan sebarang bentuk hiburan awam yang tersebut di atas.</li> </ul>
<b>Pameran dan Perdagangan (expo)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemohonan hendaklah dihadapkan ke <b>Jabatan Tenaga dan Perindustrian Brunei, Jabatan Perdana Menteri.</b></li> </ul>

- Menurut Akta Hiburan Awam Penggal [181] Bab [03], tiada hiburan awam boleh diadakan **kecuali**:
  - Di suatu tempat yang **dibenarkan**:
    - Kategori Persembahan Hiburan Awam **di tempat terbuka tidak dibenarkan** kerana tempat berkenaan adalah tidak sesuai.
    - Selain itu aktiviti hiburan **tidak boleh** diadakan **berhampiran dengan masjid dan surau-surau** (Jarak 300 hasta bersamaan 139 meter)
  - Menurut suatu lesen yang dikeluarkan oleh Pegawai Melesen:
    - Penelitian adalah mengikut **Garispandu**

<b>Garispandu Hiburan Awam</b>	
<b>Tarikh-tarikh yang tidak dibenarkan untuk mengadakan Hiburan Awam</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1 Muharram hingga 10 Muharram</li> <li>• 1 Rabiulawal hingga 30 Rabiulawal</li> <li>• 1 Rejab hingga 30 Rejab</li> <li>• 1 Syaaban hingga 30 Syaaban</li> <li>• 1 Ramadhan hingga 30C Ramadhan</li> <li>• 1 Syawal hingga 7 Syawal</li> <li>• 1 Zulhijjah hingga 15 Zulhijjah</li> <li>• Pada hari Khamis (Malam Jumaat) dan pada sepanjang siang hari Jumaat.</li> </ul>
<b>Persembahan nyanyian/muzik/ persembahan pentas di tempat Yang Sesuai dan Tertutup yang dibenarkan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berbentuk Kebudayaan.</li> <li>• Berbentuk akademik/ pembelajaran.</li> <li>• Mengetengahkan bakat dalam menggunakan alat muzik.</li> <li>• Mempromosikan bakat dalam bidang nyanyian, drama dan tarian</li> </ul>

<p style="text-align: center;"><b>Jenis-jenis Hiburan Awam yang tidak dibenarkan</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Konsert.</li> <li>• Persembahan Artis Luar Negeri</li> <li>• “Busking” (di tempat awam).</li> <li>• Pertunjukan Fesyen (“Fashion Show”).</li> <li>• Permainan “Fun Fair” (berunsur judi).</li> <li>• Pertunjukan Rumah Hantu.</li> <li>• “Yoga” dan Zumba (di tempat awam)</li> <li>• Pertandingan Makanan tidak sihat</li> </ul>
<p style="text-align: center;"><b>'Private Function'</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memadai dengan pesuratan sahaja dengan menyertakan aturcara dan kebenaran tempat ke Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri</li> </ul>

- Hukuman:

- Di bab 18(1) Akta Hiburan Awam: -

Mana-mana orang yang mengadakan atau membantu dalam mengadakan sebarang hiburan awam yang bukan suatu hiburan awam yang dikecualikan dibawah Bab (15)-

Tanpa suatu lesen yang dikeluarkan dibawah perintah ini:

- Semasa lesen itu digantung
- Dengan melanggar sebarang syarat suatu lesen
- Dengan melanggar perintah ini atau sebarang aturan yang dibuat dibawahnya.

Adalah **melakukan kesalahan** dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang **tidak melebihi dari \$10,000**

- One Biz - Aliran Kerja Permohonan:

Step 1	Daftar pengguna sebagai eDarussalam [ <a href="http://www.gov.bn">www.gov.bn</a> ]
Step 2	Layari OneBiz [ <a href="https://onebiz.business.gov.bn">https://onebiz.business.gov.bn</a> ] dan buat permohonan secara atas talian “online”
Step 3	Makluman penerimaan permohonan akan dimaklumkan melalui <u>SMS</u> atau <u>Email</u>
Step 4	Pembayaran bolehlah dibuat di <b>Business Support Centre (Secara Tunai)</b> atau <b>pembayaran atas talian (kad kredit)</b>
Step 5	Setelah pembayaran dibuat, surat kebenaran dan lesen akan diberikan kepada pemohon melalui <b>Business Support Centre</b> .

- Payment Mode:
  - Cash and credit card online
  - Cash Book, Collector Statement and Receipt is system-generated
- Business Support Centre (BSC):  
Design & Technology (D&T) Building,  
Simpang 32-37, Taman Teknologi Anggerek Desa
- Operating hours:  
8.00 am – 4.30 [Monday – Friday]  
CLOSED [Saturday & Sunday]
- Contact:  
Unit Pengawasan Hiburan Awam dan Penerbitan, Tingkat 3. Bangunan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, BS8611  
Telefon: 22232225 (Ext 327, 332, 334, dan 335)  
Fax No.: 2240542  
Laman sesawang: <http://www.moha.gov.bn>